

Desak Amerika keluar Iraq

BH - 8/2/2007

PERSIDANGAN Antarabangsa Dedahkan Jenayah Perang: Jenayahkan Perang semalam diberitahu Presiden Amerika Syarikat (AS), George W Bush dan Perdana Menteri Britain, Tony Blair harus disiasat berdasarkan kesalahan melakukan jenayah perang di Iraq.

Penyelaras S.O.S Iraq dan anggota Jawatankuasa Eksekutif Tribunal Jenayah Perang Brussels, Dirk Adrieansens, berkata selain mereka, siasatan juga harus dilakukan terhadap mereka yang terabit dalam merangka strategi perang sama ada pada peringkat atasan atau sebaliknya.

Beliau berkata, tentera asing di Iraq, terutama AS harus didesak keluar dari negara berkenaan tanpa sebarang syarat dan harus membayar kerugian yang dialami rakyat Iraq dari aspek kemanusiaan, ekonomi, ekologi dan kebudayaan.

"Semua undang-undang, kontrak dan institusi yang diperkenalkan di Iraq harus dianggap sebagai tidak sah dan terbatal.

"Penjara Guantanamo dan semua penjara yang dibina tentera AS harus ditutup serta-merta," katanya.

Beliau berkata, masyarakat dunia harus mengambil tindakan bukan berbentuk keganasan terhadap syarikat AS dan Britain yang memperoleh keuntungan daripada perang di Iraq.